



NEGERI MELAKA

# **Warta Kerajaan**

DITERBITKAN DENGAN KUASA

***GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE***

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 53  
No. 24

**19hb November 2009**

*TAMBAHAN No. 11  
PERUNDANGAN*

---

---

## **M.P.U. 19.**

### **ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

#### **FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36**

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 35 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*En. No. 7 tahun 2002*] dan telah dikemukakan kepada Majlis oleh Mufti, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, menurut subseksyen 36(3), dan telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong di bawah subseksyen 36(4) bagi penyiaran fatwa itu dalam *Warta* dan telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri menurut subseksyen 36(6) fatwa itu adalah disiarkan dalam *Warta* di bawah subseksyen itu.

#### **JADUAL**

1. Menetapkan bahawa kaedah pengurusan lebih agihan zakat daripada kutipan zakat bagi tahun semasa di Negeri Melaka adalah seperti berikut -

- (a) lebih agihan zakat daripada mana-mana bahagian *asnaf* bagi tahun semasa hendaklah dipindahkan kepada bahagian *asnaf* lain yang ada penerimanya dalam tahun semasa tersebut;
  - (b) sekiranya masih berbaki, lebih agihan zakat daripada jumlah kutipan zakat bagi tahun semasa hendaklah dicampurkan dengan anggaran hasil kutipan zakat pada tahun berikutnya mengikut bahagian *asnaf* yang telah ditentukan; dan
  - (a) lebih agihan zakat tersebut hendaklah disimpan di dalam kumpulan wang lebihan zakat.
2. Penggunaan dan perbelanjaan lebihan agihan zakat tersebut adalah hanya untuk lapan *asnaf* yang layak menerima zakat pada tahun yang berikutnya dengan menaikkan kadar bantuan agihan kepada setiap *asnaf* bagi tahun tersebut.

Bertarikh 6 November 2009

[JMM/BFB(S)/351/255/02/06; PUNM. 700-02/37]

DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM

*Pengarah/Chairman,  
Majlis Agama Islam Melaka*